



UniMAP

LAPORAN TAHUNAN 2009

Universiti Malaysia Perlis

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



UniMAP

LAPORAN TAHUNAN **2009** Universiti Malaysia Perlis



Diterbitkan oleh: **Universiti Malaysia Perlis**

Jun 2010

www.unimap.edu.my



Laporan Tahunan 2009

Universiti Malaysia Perlis

Kandungan

Canselor	4
Pro Canselor	5
Misi, Visi, Nilai Teras, Matlamat & Falsafah.....	6
Laporan Naib Canselor.....	7
Pengurusan Universiti	
» Lembaga Pengarah Universiti.....	12
» Pegawai Utama Universiti.....	14
» Senat.....	16
» Pegawai Universiti.....	20
» Struktur Organisasi Universiti.....	27
Perkara I Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia.....	
28	
Perkara II Hal Ehwal Akademik.....	
44	
Perkara III Senarai MoU / MoA.....	
74	
Perkara IV Hubungan Industri.....	
80	
Perkara V Penyelidikan dan Pembangunan.....	
90	
Perkara VI Hal Ehwal Pelajar.....	
110	
Perkara VII Perpustakaan.....	
126	
Perkara VIII Teknologi Maklumat & Komunikasi.....	
138	
Perkara IX Pembangunan Kampus.....	
148	
Perkara X Laporan Kewangan.....	
156	

Canselor



**Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra
Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail**
D.K., S.P.M.P.
Raja Muda Perlis



Pro Canselor



**Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Tuanku Lailatul Shahreen
Akashah Khalil
S.P.M.P.
Raja Puan Muda Perlis**



Misi

Melahirkan Modal Insan Kamil Yang Menyumbang Kepada Agenda Pembangunan Dan Daya Saing Industri Negara.

Visi

Institusi Akademik Dan Penyelidikan Yang Berdaya Saing Di Persada Antarabangsa.

Nilai Teras

ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN

Matlamat & Falsafah

Program kejuruteraan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berkelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Kursus kejuruteraan yang dijalankan di universiti ini pada dasarnya menitikberatkan kepada *lab-intensive* dengan memberi lebih penekanan kepada amali. Kursus-kursus yang ditawarkan menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti kursus, pelajar juga akan dibekalkan dengan kemahiran pengurusan, perakaunan, keusahawanan, kemahiran berkomunikasi, kurikulum dan pembangunan sahsiah. Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera dan pembantu jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang berteknologi tinggi yang mereka ikuti, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari dan mempunyai sifat mulia dan terpuji.



Laporan Naib Canselor



Tahun 2009 ialah tahun UniMAP memantapkan beberapa aspek pentadbiran dan pengurusan selain daripada meneruskan usaha memperkuuh beberapa elemen asas. Dalam tahun ini beberapa penstrukturian semula secara kecil-kecilan di beberapa pusat tanggungjawab dilaksana; pelantikan Pro Canselor yang pertama dimasyurkan; dua buah pusat pengajian kejuruteraan menciptakan sejarah berpindah ke kampus tetap UniMAP di Ulu Pauh; sebanyak 245 orang pelajar ambilan pertama peringkat diploma turut melakarkan sejarah baru UniMAP kerana berjaya menamatkan pengajian dalam Istiadat Konvokesyen ke-4; dan usaha-usaha

peletakan asas penambahbaikan proses dan prosedur kerja berteraskan sistem ISO dan MS dalam skop tertentu dilancarkan.

Kemantapan sumber manusia di UniMAP diteruskan pada tahun 2009 apabila Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memperuntukkan 156 jawatan pelbagai gred yang merangkumi 54 jawatan akademik dan 102 jawatan bukan akademik. Jumlah keseluruhan ini berkurangan 93 jawatan berbanding tahun 2008. Dengan peruntukan sebanyak 156 jawatan ini bilangan keseluruhan jawatan yang diluluskan ialah sebanyak 1118 dan 93% daripadanya telah diisi. Daripada segi komposisi, 0.29% terdiri daripada kumpulan

pengurusan tertinggi, 46.35% kumpulan pengurusan dan profesional akademik, 12.48% kumpulan pengurusan dan profesional bukan akademik dan 40.88% kumpulan sokongan.

Bilangan staf bukan warganegara menunjukkan peningkatan sebanyak 26.5% berbanding dengan bilangan tahun 2008. Sehingga 31 Disember 2009, bilangan keseluruhan staf bukan warganegara ialah seramai 62 orang yang terdiri daripada 58 staf akademik bertaraf kontrak, 2 orang staf akademik bertaraf kunjungan, seorang berjawatan Pegawai Perubatan dan seorang Jururawat Terlatih.

Laporan Naib Canselor

Demi meningkatkan lagi pembangunan modal insannya, UniMAP telah melantik seramai 56 orang felo untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA). Selain itu, kelulusan diberikan kepada 39 orang staf akademik yang terdiri daripada Pegawai Latihan Vokasional dan Pensyarah untuk cuti belajar supaya dapat menyambungkan pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Pengajian Lanjutan Kakitangan Akademik (SPLKA). Bagi meningkatkan kompetensi staf pula, pelbagai kursus dan latihan telah dilaksana di peringkat dalaman atau secara usaha sama dengan agensi luar. Kursus dan latihan yang dianjurkan meliputi kursus-kursus pentadbiran dan kewangan, bengkel penulisan, kaedah penyelidikan dan pemantapan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Antaranya adalah Kursus Pengurusan Stres dan Emosi, Kursus Pertolongan Cemas Asas, Kursus Penulisan Kertas Cadangan dan Laporan Berkualiti, Bengkel Kaedah Penyelidikan, Bengkel Penggubalan Soalan Peperiksaan dan lain-lain.

Selaras dengan hasrat mempertahankan sistem penyampaian UniMAP kepada pemegang taruh, Pengurusan Universiti telah meluluskan penggabungan dua unit yang mempunyai perkaitan tugas yang rapat iaitu Unit Kualiti dan Unit Pembangunan Korporat di bawah entiti baru yang dikenali sebagai

Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK). PUSPEK berperanan menyelaraskan dan melaksana aktiviti yang berkaitan dengan perancangan strategik universiti, menjadi penghubung antara universiti dengan Pejabat Pengurusan Program (PMO), Kementerian Pengajian Tinggi dalam urusan yang berkaitan dengan pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), serta mengendali dan menyelaras aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan sistem kualiti dalam usaha mendapatkan sijil-sijil ISO dan M.S. Kewujudan PUSPEK membolehkan tindakan-tindakan yang proaktif serta penambahbaikan proses-proses kerja dapat dilaksana dengan lebih cekap dan berkesannya agar prestasi universiti dapat dipacu dengan lebih sistematik.

Selain PUSPEK, Klinik Kesihatan UniMAP turut dinaiktaraf menjadi Pusat Kesihatan sejarar dengan hasrat memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik dan berkualiti kepada warga UniMAP khususnya para mahasiswa. Unit Sukan Jabatan Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni juga turut dinaiktaraf menjadi Pusat Sukan demi memartabatkan dan membudayakan sukan di institusi pengajian tinggi. Penubuhan Pusat Sukan diharapkan dapat berperanan meletakkan UniMAP sebagai pusat kecemerlangan sukan di negeri Perlis dan wilayah utara semenanjung.

Kerjasama erat dengan pihak industri telah mencetuskan idea penubuhan sebuah lagi pejabat cawangan di Kulim. Anjung UniMAP Kulim yang

mula beroperasi pada akhir 2009 berperanan sebagai pusat sehenti atau penghubung antara UniMAP dengan industri di sekitarnya selain daripada menjadi hub pelaksanaan kursus-kursus akademik dan kursus-kursus jangka pendek di samping menjadi pusat pertemuan dan pelaksanaan aktiviti Alumni.

Tahun 2009 turut menyaksikan pertukaran tampuk kepimpinan bagi jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Setelah menyumbangkan bakti kepada pembangunan dan perkembangan UniMAP sejak dari awal penubuhannya, Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff melepaskan jawatannya sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) pada 16 Mei 2009. Teraju berkenaan kemudiannya diisi oleh Prof. Dr. Sazali Yaacob, Profesor di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, yang dilantik secara rasmi memegang jawatan pada 16 Ogos 2009. UniMAP turut kehilangan seorang lagi pegawai utama apabila Puan Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin, Ketua Pustakawan tamat tempoh kontraknya pada 30 Julai 2009. Selain itu, ketentuan llahi juga menyaksikan perginya ke rahmatullah seorang Pengarah yang berdedikasi, Allahyarham Prof. Madya Mohd. Shuid Salleh, Pengarah Pusat Kerjasama Industri yang meninggal dunia kerana faktor kesihatan. UniMAP turut kehilangan lima orang anak didik yang terkorban dalam kemalangan jalan raya sepanjang tahun 2009. Al-Fatihah dan takziah disedekahkan kepada mereka.



Laporan Naib Canselor

Dalam usaha menambahkan bilangan mahasiswa yang melanjutkan pengajian di UniMAP, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan telah diberi kelulusan menambahkan satu lagi program pengajiannya iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Rangkaian Komputer). Senat Universiti turut meluluskan penawaran program pengajian berteraskan perniagaan melalui Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan. Dua program pengajian yang pertama kali diperkenalkan bagi sidang akademik 2009/10 ialah Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Keusahawanan Kejuruteraan) Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa) dengan jumlah mahasiswa sulungnya seramai 276 orang.

Dengan 22 program pengajian peringkat ijazah sarjana muda dan enam program peringkat diploma yang ditawarkan pada tahun 2009, UniMAP kini mempunyai 5,122 orang mahasiswa termasuk seramai 4,353 orang mahasiswa ijazah sarjana muda dan 769 orang mahasiswa diploma ambilan sidang akademik 2009/10. Di peringkat pascasiswazah pula, jumlah penuntut sarjana sains ialah 226 orang iaitu peningkatan sebanyak 55 orang daripada tahun sebelumnya, manakala penuntut peringkat doktor falsafah meningkat ke 88 orang berbanding dengan 55 orang pada tahun sebelumnya. Mulai tahun 2009 juga, UniMAP turut mempunyai 65 orang mahasiswa antarabangsa yang mengikuti

pengajian di peringkat pascasiswazah dan ijazah sarjana muda dan 45 orang di peringkat program persediaan.

Dalam Istiadat Konvokesyen Ke-4 yang diadakan pada 15 Ogos 2009, UniMAP menerima pelantikan Pro Canselor yang pertama. Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil telah diperkenan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail untuk dilantik sebagai Pro Canselor bagi tempoh dua tahun sembilan bulan berkuatkuasa mulai 13 Mac 2009 hingga 12 Disember 2011. Dalam istiadat tersebut juga, seramai 1012 graduan menerima ijazah masing-masing. Seorang graduan menerima ijazah Doktor Falsafah, manakala 15 orang graduan menerima Ijazah Sarjana dan 751 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda. UniMAP turut melakar sejarah apabila melahirkan lepasan diploma sulungnya seramai 245 orang daripada enam program diploma yang ditawarkan. Dalam istiadat konvokesyen yang sama UniMAP turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Hassan Said dan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada Prof. Dr. Karl Kohlhof sebagai mengenang dan menghargai jasa bakti mereka meningkatkan daya saing universiti ini.

UniMAP terus meraih kecemerlangan dalam bidang penyelidikan pada tahun 2009. Daripada 110 produk penyelidikan

yang dipertandingkan di empat pameran penyelidikan peringkat kebangsaan dan empat pameran penyelidikan peringkat antarabangsa, UniMAP memperoleh 92 butir pingat. Di peringkat antarabangsa, UniMAP merangkul kejayaan 100% di Pameran *International Trade Fair Ideas-Inventions-New Product (IENA)* 2009, Nuremberg, German apabila empat produk penyelidikan yang dipertandingkan meraih pingat iaitu 1 emas dan 3 gangsa. Kumpulan penyelidik UniMAP turut unggul dalam Pameran *British Invention Show (BIS)* 2009 di London, United Kingdom apabila meraih 2 emas dan salah satu produk penyelidikan berkenaan turut meraih kejayaan berganda apabila memperoleh anugerah khas iaitu Anugerah Industri dan Anugerah Rekabentuk. Melalui penyertaan dalam 37th *International Inventions, New Techniques and Products, Geneva, Switzerland*, UniMAP berjaya memperoleh 3 pingat perak dan 3 pingat gangsa dan turut merangkul 1 perak dan 1 gangsa di Pameran *Seoul International Invention Fair (SIIF)* 2009, Korea.

Penyertaan dalam empat pameran penyelidikan peringkat kebangsaan iaitu *Malaysian Technology Expo (MTE)*, 20th *International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition*, PECKITA 2009 dan Pameran Bio Malaysia menyaksikan para penyelidik UniMAP menggondol 13 emas, 37 perak dan 27 gangsa. Selain itu, tujuh produk penyelidikan UniMAP mendapat kelulusan pendaftaran nombor IP

Laporan Naib Canselor

bagi tahun 2009, manakala 69 produk penyelidikan melepassi peringkat carian Novelty Harta Intelek 2009 dan dua produk penyelidikan telah menjalani proses hak cipta bagi tahun 2009.

Dalam tahun 2009 UniMAP memperoleh geran penyelidikan berjumlah RM4,043,272.00 iaitu peningkatan sebanyak RM28,320.00 berbanding dengan tahun 2008. Daripada jumlah tersebut, RM722,546.00 diperoleh daripada geran FRGS-KPT, RM640,146.00 daripada geran *Sciencefund-MOSTI*, RM856,800.00 daripada geran jangka pendek UniMAP, RM1,254,820.00 daripada geran MOA dan selebihnya daripada geran di bawah beberapa organisasi dan agensi lain. UniMAP turut cemerlang dalam bidang konsultansi. Untuk tahun 2009, jumlah kumpulan wang konsultansi UniMAP berjumlah RM735,290.00.

UniMAP meneruskan jalinan hubungan kerjasama dengan universiti luar negara dan pihak industri serta institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia pada tahun 2009. Sebanyak 11 Memorandum Persefahaman (MoU) atau Memorandum Perjanjian (MoA) ditandatangani dengan industri atau IPT di seluruh negara, manakala 14 MoU ditandatangani dengan universiti luar negara merangkumi universiti-universiti, misalnya di India, Mauritius, Republik Yaman, Uzbekistan, Kyrgyzstan, Jordan, Dubai dan lain-lain lagi. MoU dengan institusi pengajian tinggi luar negara ini terus merancakkan program

pertukaran pelajar. Selain itu, sebanyak 10 orang mahasiswa UniMAP terlibat dalam Program Pertukaran Pelajar dengan universiti-universiti ASEAN, Jerman, Australia, Norway dan Finland. UniMAP turut menerima 17 orang pelajar dari pelbagai universiti luar negara di bawah program berkenaan.

Mahasiswa UniMAP terus mendapat tempat di industri di seluruh negara. Program Latihan Industri (InTra) berjaya menempatkan seramai 977 orang mahasiswa sarjana muda di pelbagai industri: 27.4% syarikat swasta multinasional, 58.2% syarikat swasta tempatan, 5.4% sektor kerajaan dan badan berkanun dan 9.0% syarikat berkaitan dengan kerajaan. Program diploma pula berupaya menempatkan seramai 216 orang mahasiswa untuk menjalani latihan industri di pelbagai industri di seluruh negara.

Tahun 2009 turut menyaksikan kecemerlangan mahasiswa UniMAP dalam pelbagai bidang yang disertai. Dalam bidang penyelidikan mahasiswa UniMAP menyumbangkan dua emas, dua perak dan tiga gangsa serta merangkul dua anugerah khas iaitu *Best Invention & Innovation Award* dan *Moto-Intention Award* oleh Motorola dalam *National Research & Innovation Competition* (NRIC 2009). Kejayaan turut dikecapi dalam Pertandingan *World Industrial Design Day 2009* (Widd09) apabila pasukan mahasiswa dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan memenangi tempat pertama bagi kategori *Construction of Straw*

Tower. Pasukan mahasiswa UniMAP turut menggungguli pertandingan *Performance Controlled Concrete Cube Competition 2009* apabila meraih tempat pertama dan kedua dalam pertandingan tersebut. Selain itu, UniMAP turut menerima pengiktirafan akademik apabila seorang mahasiswa menerima Anugerah Pingat Emas Pergerakan Wanita UMNO 2009, lima orang menerima Anugerah Student Excellence Mega Award & Cultural Show (STEMACS'08), seorang menerima Anugerah Pingat Emas IEM dan seorang lagi menerima Biasiswa Tunku Abdul Rahman.

Bidang sosial dan kebudayaan turut menyumbangkan kejayaan manis sepanjang tahun 2009. Pasukan mahasiswa UniMAP menjadi johan Festival Nasyid Belia 4B Negeri Perlis dan mencatat kejayaan sebagai johan di Festival Nasyid Belia 4B Kebangsaan. Dalam Sayembara Puisi Merdeka MAKUM 2009, UniMAP meraih johan dalam kategori syair dan naib johan dalam kategori sajak. Mahasiswa antarabangsa UniMAP turut melakar kejayaan dalam pertandingan *1 World Culture: International Student Night 2009* apabila memperoleh tempat pertama dalam kategori tarian dan tempat kedua dalam kategori nyanyian. Dalam bidang keusahawanan, usaha UniMAP terus menampakkan hasil apabila mahasiswanya memenangi naib johan dalam Pertandingan Catur Bestari Sempena Perhimpunan Pemimpin Keusahawanan 2009 dan tempat ketiga dalam Pertandingan Catur Bestari 2009. Dalam pertandingan debat dan pidato pula,



Laporan Naib Canselor

walaupun belum meraih sebarang kejayaan, namun penyertaan para mahasiswa merupakan pendedahan terbaik untuk meningkatkan keyakinan diri masing-masing sebagai pemimpin masa depan.

Kecemerlangan UniMAP dalam bidang sukan tidak perlu dipertikaikan lagi. Dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti-universiti Malaysia Ke-34 yang berlangsung di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), UniMAP menjadi juara keseluruhan untuk kali ke-2 berturut-turut dengan menggondol 30 pingat emas, 16 perak dan 9 gangsa. Selain staf, mahasiswa UniMAP turut cemerlang di dalam bidang sukan ini. Karnival Sukan MASUM 2009 menyaksikan mahasiswa UniMAP meraih satu pingat emas dan satu pingat gangsa melalui acara Taekwando, satu perak dan satu gangsa melalui acara Boling Padang. Mahasiswa UniMAP turut cemerlang di dalam Karnival Olahraga MTUN 2009 apabila berjaya meraih 3 emas, 4 perak dan 4 gangsa.

Impian Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) untuk mendiami kampus tetap semakin menjadi kenyataan apabila dua pusat pengajiannya iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan berpindah ke Kampus Alam di Ulu Pauh. Dua pusat pengajian tersebut mula beroperasi pada 2 November 2009 lalu. Pembinaan bangunan dan infrastruktur di bawah Pakej 2 yang bermula pada Februari 2007, siap sepenuhnya pada Ogos 2009. Sesi pengajian di kampus tetap bagi

kumpulan mahasiswa di bawah dua pusat pengajian ini pula bermula pada 28 Disember 2009.

Perpindahan dua pusat pengajian ini merupakan satu transformasi baru buat UniMAP dalam rangka melahirkan jurutera yang cemerlang, berdaya saing dan inovatif. Selain itu, dengan beroperasinya UniMAP di Kampus Alam ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosiobudaya masyarakat sekitar Pauh khususnya dan negeri Perlis amnya.

Selain projek Pakej 2, pembinaan lain terus giat dilaksana di Kampus Alam Ulu Pauh. Projek Pakej 4 - Fasa 1 yang terdiri daripada bangunan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik dan Pusat Kejuruteraan mula dilaksana pada Februari 2009 di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Projek Pakej 3B yang terdiri daripada bangunan Perpustakaan, Kompleks Dewan Kuliah dan Kompleks Sukan dilaksana pada September 2009.

Dalam tahun 2009 juga UniMAP turut memperoleh peruntukan daripada inisiatif pembiayaan swasta (PFI) sebanyak RM32 juta melalui Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Melalui pembiayaan ini, kolej kediaman yang berkapasiti 1,000 orang pelajar akan dibangunkan di Zon Selatan Kampus Alam Ulu Pauh.

Bagi menampung keperluan fizikal kerana perkembangan aspek operasi pentadbirannya, UniMAP menambahkan lokasi dan bangunan


kampus teragih iaitu di Seriab, Kangar. Kompleks pusat pentadbiran ini menempatkan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP), Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK), Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (IKNE), Unit Pengajian Ijazah Tinggi, Unit Multimedia dan Unit Kajian Strategik.

Tahun 2009 dilalui UniMAP dengan bauran antara kenangan pahit dan manis oleh setiap warganya. Untuk tahun-tahun mendatang; untuk terus maju; untuk terus progresif; untuk terus mengisi tuntutan konsep dinamisme baru; dan untuk melakar wajah baru; UniMAP akan berhadapan dengan seribu satu cabaran. Namun dengan kesungguhan dan komitmen semua pihak, bermula dengan idea dan tenaga pengurusan tertinggi dan diperkuuh oleh kakitangan sokongan, nescaya semua cabaran akan dapat diatasi untuk melonjakkan kecemerlangan UniMAP di dalam negara dan di persada antarabangsa. Selain itu, usaha berterusan juga perlu dilipatgandakan oleh setiap lapisan kakitangan supaya UniMAP sentiasa diyakini oleh semua pemegang taruh sebagai relevan pada masa kini dan berdaya saing pada masa akan datang.

Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin
Hussin
Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis
~ilmu~keikhlasan~kecemerlangan~
PENGURUSAN UNIVERSITI

Lembaga Pengarah Universiti



**Y. BHG. TAN SRI DATO' SERI
DR. HJ. ZAINUL ARIFF HJ. HUSSAIN**
P.S.M., P.J.N., S.P.S.K., S.P.M.P., P.N.B.S., D.G.P.N.,
D.M.S.M., D.G.M.K, S.I.M.P., D.S.A.P., P.G.D.K.,
D.M.P.N., D.P.M.P., J.S.M.
Pengerusi Lembaga Pengarah



**Y. BHG. BRIG. JEN. DATO' PROF.
DR. KAMARUDIN HUSSIN**
D.P.S.J., P.A.T., K.A.T., A.M.P.
Naib Canselor UniMAP



Y. BHG. DATO' DR. MOHD SOFI OSMAN
D.S.P.N., P.K.T.
*Pengarah Urusan Eksekutif,
Advanced Micro Devices (AMD)
Export Sdn. Bhd.*



**Y. BHG. DATO' DR. NORRAESAH
HJ. MOHAMAD**
D.S.P.N., D.S.T.K.
*Pengerusi
Embunaz Ventures Sdn. Bhd.*



Y. BHG. DR. SITI AISHAH BAHRUM, D.N.S.
*Pengarah, Bahagian Governan IPTA,
Jabatan Pendidikan Tinggi,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
(sehingga 16 Oktober 2009)*



**Y. BHG. DATIN PROF. IR. DR. SITI
HAMISAH TAPSIR**
*Timbalan Ketua Pengarah
(Sektor IPTS) Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
(berkuatkuasa : 16 Disember 2009)*



Lembaga Pengarah Universiti



Y. BHG. DATO' AHMAD SHUKRI TAJUDDIN,
D.S.D.K., K.M.N., A.M.K., B.C.K.,
Ketua Pegawai Eksekutif,
Kulim Technology Park Corporation Sdn Bhd




Y. B. TUAN ABDUL RASID SUDIN, S.M.P.
*Penasihat Undang-Undang
Negeri Perlis*



Y. BHG. ENCIK KHALID MOHAMED
*Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Pengurusan Belanjawan
Kementerian Kewangan Malaysia*



Y. BHG. ENCIK YAHYA ABDUL AZIZ
*Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Perhubungan Industri,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Ahli Ganti*




**Y. BERUSAHA TUAN HJ. RUSLI
HJ. ABD HAMID, S.M.P.**
*Setiausaha Lembaga Pengarah /
Pendaftar UniMAP*

Pegawai Utama Universiti



BRIGEDIER JENERAL DATO' PROFESOR DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor



Pegawai Utama Universiti




PROFESOR DR. ALI YEON MD SHAKAFF
*Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
(sehingga 16 Mei 2009)*



PROFESOR DR. SAZALI YAACOB
*Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antara bangsa)
(berkuatkuasa 16 Ogos 2009)*



PROFESOR DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
*Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)*



HAJI RUSLI HAJI ABD. HAMID
Pendaftar



PUAN SAODAH HASSAN
Bendahari




HAJJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN
*Ketua Pustakawan
(sehingga 30 Julai 2009)*

Universiti Malaysia Perlis
~ilmu~keikhlasan~kecemerlangan~
PENGURUSAN UNIVERSITI

Senat



**BRIG. JEN. DATO' PROFESOR
DR. KAMARUDIN HUSSIN**
Naib Canselor / Pengerusi




PROFESOR DR. ALI YEON MD. SHAKAFF
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa) /
Timbalan Pengerusi
(sehingga 16 Mei 2009)



PROFESOR DR. SAZALI YAACOB
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa) /
Timbalan Pengerusi
(berkuatkuasa 16 Ogos 2009)



PROFESORDR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)



HAJI RUSLI HAJI ABD. HAMID
Pendaftar



PUAN SOADAH HASSAN
Bendahari



PUAN HAJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN
Ketua Pustakawan
(sehingga 30 Julai 2009)



PROFESOR DR. ISMAIL DAUT
Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan
Sistem Elektrik



PROFESOR DR. ZURAIDAH MOHD. ZAIN
Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan
Pembuatan



Senat



PROF. DR. MOHD YUSOFF MASHOR
Dekan, Pengajian
Ijazah Tinggi



PROF MADYA
IR MOHABATTUL ZAMAN SNS BUKHARI
Dekan Pengurusan Akademik
(sehingga 10 Oktober 2009)



PROF. IR. DR.
HJ. REZUWAN HJ. KAMARUDDIN
Dekan, Pengurusan Akademik
(berkuatkuasa 1 November 2009)



DATO' PROF.
DR. JAMALUDIN MOHAIADIN
Dekan, Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
(sehingga 30 April 2009)



PROF. DR. UDA HASHIM
Pengarah, Institut Kejuruteraan
Nano Elektronik
(berkuatkuasa 1 Mac 2009)



PROF. DR. MOHD NOOR AHMAD
Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan
Bioproses



PROF.DR. SHAMSUL BAHARIN JAMALUDIN
Profesor
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan



PROF. MADYA
DR. R. BADLISHAH AHMAD
Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan
Komputer & Perhubungan



PROF. MADYA
DR. MOHAMED ZULKALI MOHAMAD DAUD
Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan
Bioproses

PENGURUSAN UNIVERSITI

Senat




PROF. MADYA DR. ABDUL HAMID ADOM
Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan
Mekatronik




PROF. MADYA DR. JOHARI ADNAN
Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan
Mikroelektronik



**PROF. MADYA
DR. SYED ALWEE ALJUNID SYED JUNID**
Dekan, Penyelidikan & Pembangunan




PROF. MADYA ABDULL HALIM ABDUL
Dekan, Institut Matematik
Kejuruteraan



**PROF. MADYA
ABDUL RAHMAN MOHD SAAD**
Dekan, Pusat Kejuruteraan



**PROF. MADYA
MOHD SHUID SALLEH (Allahyarham)**
Pengarah, Pusat Kerjasama Industri
(sehingga 16 November 2009)



**PROF. MADYA
DRS. MOHAMMAD SAID BONO**
Pensyarah, Institut Matematik
Kejuruteraan



DR. KHAREL RAFEZI AHMAD
Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan
Bahan



DR. KHAIRUL NIZAR ISMAIL
Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan
Alam Sekitar



Senat



DR. HAZRY DESA
Dekan, Pusat Kemahiran Komunikasi
dan Keusahawanan



ENCIK RAZLI AHMAD
Dekan, Jabatan Hal-Ehwal
Pelajar dan Alumni



ENCIK ABDUL AZIZ MAHMUDIN
Pengarah, Pusat Pembangunan Korporat
& Pengurusan Kualiti



Universiti Malaysia Perlis
 ~ilmu~keikhlasan~kecemerlangan~
PENGURUSAN UNIVERSITI

Ketua Jabatan

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Profesor Madya Dr. Johari Adnan	Dekan, PPK Mikroelektronik
2.	Profesor Dr. Ismail Daut	Dekan, PPK Sistem Elektrik
3.	Profesor Madya Dr. R. Badlishah Ahmad	Dekan, PPK Komputer dan Perhubungan
4.	Dr. Khairel Rafezi Ahmad	Dekan, PPK Bahan
5.	Profesor Madya Dr. Abdul Hamid Adom	Dekan, PPK Mekatronik
6.	Profesor Dr. Zuraidah Mohd. Zain	Dekan, PPK Pembuatan
7.	Profesor Madya Dr. Mohamed Zulkali Mohamed Daud	Dekan, PPK Bioproses
8.	Dr. Khairul Nizar Ismail	Dekan, PPK Alam Sekitar
9.	Dr. Hazry Desa	Dekan, Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan
10.	Profesor Madya Abdul Rahman Mohd Saad	Dekan, Pusat Kejuruteraan
11.	Profesor Madya Abdull Halim Abdul	Dekan, Institut Matematik Kejuruteraan
12.	Dato' Dr. Jamaludin Mohaiadin (Profesor Kunjungan)	Dekan, Pusat Hal Ehwal Antarabangsa (sehingga 30/04/09)
13.	Profesor Madya Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid	Dekan, Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)
14.	Profesor Madya Ir. Mohabattul Zaman SNS Bukhari	Dekan, Pengurusan Akademik (sehingga 10/10/09)
15.	Profesor Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin	Dekan, Pengurusan Akademik (berkuatkuasa 11/10/09)
16.	Profesor Dr. Mohd Yusoff Mashor	Dekan, Pengajian Ijazah Tinggi
17.	Encik Razli Ahmad	Dekan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
18.	Profesor Madya Mohd Shuid Salleh (Allahyarham)	Pengarah, Pusat Kerjasama Industri (sehingga 16/11/09)
19.	Dr. Yufridin Wahab	Pemangku Pengarah, Pusat Kerjasama Industri (berkuatkuasa 12/10/09)
20.	Profesor Dr. Uda Hashim	Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik
21.	Encik Abdul Aziz Mahmuddin	Pengarah, Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti



Ketua Jabatan

Bil.	Nama	Jawatan
22.	Puan Ina Suryani Ab Rahim	Pengarah, Unit Pembangunan Lestari
23.	Profesor Madya Dr. Salmah@Selamah Hj. Ayob	Pengarah, Unit Kebudayaan Dan Rekreasi (sehingga 08/10/09)
24.	Profesor Madya Ye Htut@Mohammad Iqbal Omar	Pengarah, Pusat Kesihatan
25.	Profesor Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar	Pengarah, Unit Pembangunan Agroteknologi
26.	Profesor Madya Mazelan Abdul Hamid	Pengarah, Jabatan Pembangunan
27.	Encik Nasrudin Abd. Shukor	Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi
28.	Encik Nor Azmi Hj. Johari	Pengarah, Jabatan Keselamatan
29.	Ustaz Hassan Hj. Arshad	Penyelaras, Unit Agama Islam
30.	Dr. Ismail Abdullah (Profesor Kunjungan)	Penyelaras, Unit Multimedia (sehingga 24/06/09)
31.	Encik Hirwan Jasbir Jaafar	Penyelaras, Unit Kajian Strategik
32.	Lt. Kol. (B) Azuddin Bahari	Penyelaras, Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
33.	Profesor Madya Dr. Mustapah Daud	Penyelaras, Unit Pengajaran Dan Pembelajaran
34.	Encik Muhammad Nasir Murad	Penyelaras, Program Diploma Universiti (berkuatkuasa 08/01/09)
35.	Encik Suffian Hadi Ayub	Pengurus, Unit Enterpris Kecil Sederhana (berkuatkuasa 16/11/09)
36.	Encik Mohamad Ezral Baharudin	Pengurus, Kilang Mengajar & Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman
37.	Encik Zuber Bin Hj. Mohamad	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman
38.	Encik Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman

Timbalan Dekan / Pengarah

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Encik Mohd Hafiz Ismail	Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), PPK Mikroelektronik
2.	Dr. Mohamad Halim Abd. Wahid	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Alumni), PPK Mikroelektronik
3.	Encik Zainuddin Mat Isa	Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), PPK Sistem Elektrik
4.	Encik Rosnazri Ali	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Alumni), PPK Sistem Elektrik (sehingga 31/03/09)
5.	Encik Mohammad Faridun Naim Tajuddin	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Alumni), PPK Sistem Elektrik (berkuatkuasa 01/04/09)
6.	Dr. Mohd Fares Abd Malek	Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), PPK Komputer dan Perhubungan
7.	Puan Rohani S Mohamed Farook	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Alumni), PPK Komputer dan Perhubungan
8.	Ir. Dr. Salmah Husseinsyah	Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), PPK Bahan
9.	Encik Suhardy Daud	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Alumni), PPK Bahan
10.	Encik Mohd Hafiz Fazalul Rahiman	Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), PPK Mekatronik (sehingga 30/06/09)
11.	Encik Md Tasyrif Abdul Rahman	Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), PPK Mekatronik (berkuatkuasa 01/07/09)
12.	Encik Muhammad Juhairi Aziz Safar	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Alumni), PPK Mekatronik
13.	Dr. Muhamad Saifuldin Abdul Manan	Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), PPK Pembuatan
14.	Encik Badrul Azmi Abdul Holed	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Alumni), PPK Pembuatan (sehingga 31/07/09)
15.	Encik Mohamad Shaiful Ashrul Ishak	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Alumni), PPK Pembuatan (berkuatkuasa 01/08/09)
16.	Puan Ku Syahidah Ku Ismail	Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), PPK Bioproses (sehingga 31/03/09)
17.	Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad	Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), PPK Bioproses (berkuatkuasa 01/04/09)
18.	Cik Khairul Farihan Kasim	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Alumni), PPK Bioproses



Timbalan Dekan / Pengarah

Bil.	Nama	Jawatan
19.	Encik Saiful Azhar Saad	Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), PPK Alam Sekitar (sehingga 1/1/09)
20.	Ir. Dr. Mohd Asri Ab. Rahim	Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), PPK Alam Sekitar (berkuatkuasa 1/3/2009 - 14/10/09)
21.	Encik Abdul Haqi Ibrahim	Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), PPK Alam Sekitar (berkuatkuasa 15/10/09)
22.	Cik Mahyun Ab Wahab	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Alumni), PPK Alam Sekitar
23.	Puan Tunku Salha Tunku Ahmad	Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan
24.	Dr. Ku Mohd Nabil Ku Hamid	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Alumni), Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan
25.	Encik Said Amirul Anwar Ab Hamid@Ab Majid	Timbalan Dekan, Pusat Kejuruteraan (sehingga 30/11/09)
26.	Puan Aishah Mohd Noor	Timbalan Dekan, Institut Matematik Kejuruteraan (sehingga 30/6/09)
27.	Encik Mohd Syafarudy Abu	Timbalan Dekan, Institut Matematik Kejuruteraan (berkuatkuasa 1/7/09)
28.	Encik Ramzan Mat Ayub	Timbalan Dekan, Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) (sehingga 27/2/09)
29.	Encik Mohd Alif Hasmani Abd Ghani	Timbalan Dekan, Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) (berkuatkuasa 1/3/09)
30.	Profesor Madya Dr. Kenneth Sundaraj	Timbalan Dekan, Pengajian Ijazah Tinggi
31.	Encik Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah	Timbalan Dekan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
32.	Encik Soh Ping Jack	Timbalan Pengarah, Pusat Kerjasama Industri (sehingga 31/7/09)
33.	Encik Mohd Asyraf Che Doi	Timbalan Pengarah, Pusat Kerjasama Industri (berkuatkuasa 16/10/09)
34.	Encik Mohammad Rezal Hamzah	Timbalan Pengarah, Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (berkuatkuasa 16/11/09)
35.	Ir. Abdul Ghapar Ahmad	Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan

Pengerusi Rancangan Ijazah

Bil.	Nama	Program Pengajian
1.	Encik Mohd Nazrin Md Isa	Kejuruteraan Elektronik (sehingga 31/08/09)
2.	Dr. Asral Bahari Jambek	Kejuruteraan Elektronik (berkuatkuasa 16/10/09)
3.	Encik Shaiful Nizam Mohyar	Kejuruteraan Mikroelektronik
4.	Cik Nurjuliana Juhari	Kejuruteraan Fotonik
5.	Encik Mohd. Rafi Adzman	Kejuruteraan Sistem Elektrik (sehingga 27/02/09)
6.	Encik Fijay Fauzi	Kejuruteraan Sistem Elektrik (berkuatkuasa 01/03/09)
7.	Encik Mohd Fayzul Mohammed	Kejuruteraan Elektronik Industri
8.	Encik Zahereel Ishwar Abdul Khalib	Kejuruteraan Komputer (sehingga 29/09/09)
9.	Cik Noor Shafiza Mohd Tamim	Kejuruteraan Komputer (berkuatkuasa 01/10/09 - 15/12/09)
10.	Cik Hasneeza Liza Zakaria	Kejuruteraan Komputer (berkuatkuasa 16/12/09)
11.	Encik Mohamad Suhaizal Abu Hassan	Kejuruteraan Perhubungan
12.	Dr. Ong Bi Lynn	Kejuruteraan Rangkaian Komputer
13.	Encik Faizul Che Pa	Kejuruteraan Bahan
14.	Cik Noraziana Parimin	Kejuruteraan Metalurgi (sehingga 27/02/09)
15.	Encik Ruhiyuddin Mohd Zaki	Kejuruteraan Metalurgi (berkuatkuasa 01/03/09)
16.	Puan Azlin Fazlina Osman	Kejuruteraan Polimer (sehingga 27/02/09)
17.	Puan Hakimah Osman	Kejuruteraan Polimer (berkuatkuasa 01/03/09)
18.	Encik Norasmadi Abdul Rahim	Kejuruteraan Mekatronik (sehingga 30/06/09)
19.	Encik Fathinul Syahir Ahmad Sa'ad	Kejuruteraan Mekatronik (berkuatkuasa 01/07/09)
20.	Encik Ruslizam Daud	Kejuruteraan Mekanikal (sehingga 30/06/09)
21.	Encik Khairul Salleh Basaruddin	Kejuruteraan Mekanikal (berkuatkuasa 01/07/09)
22.	Encik Ahmad Faizal Salleh	Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan (sehingga 27/02/09)
23.	Encik Megat Syahirul Amin Megat Ali	Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan (berkuatkuasa 01/03/09)



Pengerusi Rancangan Ijazah

Bil.	Nama	Program Pengajian
24.	Encik Syamsul Syahrun Awang@Hashim	Kejuruteraan Pembuatan (sehingga 14/05/09)
25.	Encik Suhaimi Illias	Kejuruteraan Pembuatan (berkuatkuasa 15/05/09)
26.	Encik Mohamad Shaiful Ashrul Ishak	Kejuruteraan Rekabentuk Produk (sehingga 31/07/09)
27.	Cik Rozie Nani Ahmad	Kejuruteraan Rekabentuk Produk (berkuatkuasa 01/08/09)
28.	Encik Abdul Haqi Ibrahim	Kejuruteraan Alam Sekitar (sehingga 14/10/09)
29.	Puan Norazian Mohamed Noor	Kejuruteraan Alam Sekitar (berkuatkuasa 15/10/09)
30.	Ir. Dr. Mohd Asri Ab. Rahim	Kejuruteraan Bangunan (sehingga 27/02/09)
31.	Encik Wan Mohd Sabki Wan Omar	Kejuruteraan Bangunan (berkuatkuasa 01/03/09)
32.	Encik Zulfakar Mokhtar	Kejuruteraan Bioproses
33.	Puan Hairul Nazirah Abdul Halim	Kejuruteraan Biosistem (sehingga 27/02/09)
34.	Encik Hirun Azaman Ismail	Kejuruteraan Biosistem (berkuatkuasa 01/03/09)
35.	Encik Ahmad Fahmi Mahamood	Ko-Kurikulum
36.	Encik Zukime Mat Junoh	Keusahawanan (sehingga 27/02/09)
37.	Encik Ahmad Zulhusny Rozali	Keusahawanan (berkuatkuasa 01/03/09)
38.	Prof. Madya Dr Kong Wah@Syaharom Abdullah	Kursus-Kursus Bahasa
39.	Puan Noormaizatul Akmar Ishak	Kursus-kursus Universiti (sehingga 27/02/09)
40.	Profesor Madya Dr. Narimah Ismail	Kursus-kursus Universiti (berkuatkuasa 01/03/09)
41.	Encik Mahamad Akmal Hj. Saad	Pusat Kejuruteraan
42.	Encik Mohd Syafarudy Abu	Ijazah (sehingga 30/06/09)
43.	Encik Ahmad Kadri Junoh	Ijazah (berkuatkuasa 01/07/09)
44.	Encik Mohd Fitri Mohd. Wahid	Ko-Kurikulum Palapes (sehingga 26/08/09)
45.	Cik Evawaynie Valquis Md. Isa	Badan Beruniform UniMAP (sehingga 27/02/09)
46.	Encik Syed Zulkarnain Syed Idrus	Badan Beruniform UniMAP (berkuatkuasa 01/03/09)

Pengerusi Rancangan Diploma

Bil.	Nama	Pusat Pengajian
1.	Puan Hasnizah Aris	Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
2.	Encik Zulkifli Husin	Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan
3.	Encik Mohd. Zaheruddin Kasmuin	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
4.	Encik Jefri Efendi Mohd Salih	Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
5.	Encik Muhammad Nasir Murad	Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan (sehingga 07/01/09)
6.	Encik Azmi Harun	Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan (berkuatkuasa 08/01/09)
7.	Encik Noor Hasnizam Hanafi	Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik (sehingga 27/02/09)
8.	Encik Baharuddin Ismail	Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik (berkuatkuasa 01/03/09)
9.	Puan Maz Jamilah Masnan	Institut Matematik Kejuruteraan (sehingga 20/12/09)
10.	Encik Khairul Anwar Mohamad Khazali	Institut Matematik Kejuruteraan (berkuatkuasa 21/12/09)





Struktur Organisasi Universiti Malaysia Perlis

